

PENGETAHUAN PEDAGOGI MATA PELAJARAN SYARIAH KURIKULUM BERSEPADU DINI DI SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN

PEDAGOGICAL KNOWLEDGE OF SYARIAH SUBJECT USING INTEGRATED DINI CURRICULUM AT GOVERNMENT AIDED EDUCATIONAL RELIGIOUS SCHOOL

**Firdaus Abdul Fatah¹
Khadijah Abdul Razak²
Maimun Aqsha Lubis³**

¹Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia. (E-mail: firdausABF@gmail.com)

²Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia
(E-mail khadijah.razak@ukm.edu.my)

³Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia. (E-mail: draqsha@gmail.com)

Accepted date: 25-11-2018

Published date: 14-04-2019

To cite this document: Fatah, F. A., Razak, K. A., & Lubis, M. A. (2019). Pengetahuan Pedagogi Mata Pelajaran Syariah Kurikulum Bersepadu Dini di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(29), 01-11.

Abstrak: Mata pelajaran Syariah merupakan satu mata pelajaran yang ditawarkan di dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Mata pelajaran ini terdiri daripada beberapa bidang ilmu fiqh dan juga al-Quran wa al-Hifz. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka pemahaman guru terhadap pengetahuan pedagogi serta pelaksanaan pengetahuan pedagogi dalam kalangan guru-guru yang mengajar mata pelajaran ini. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk kajian kes. Pengumpulan data kajian ini diperoleh dengan menemu bual tiga orang guru mata pelajaran Syariah di beberapa buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Selangor. Selain itu, data juga dikumpul melalui pemerhatian pengajaran dan analisis penulisan rekod mengajar guru. Bagi menjalankan temu bual, pengkaji menyediakan set protokol temu bual separa berstruktur. Hasil kajian mendapati guru memahami pengetahuan pedagogi serta tahu melaksanakannya.

Kata Kunci: Pedagogi, Kurikulum Bersepadu Dini, KBD, SABK

Abstract: The Syariah is one of the subjects that is offered in the Dini Integrated Curriculum (Kurikulum Bersepadu Dini or KBD) at Government Aid Religious Schools (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan or SABK). This subject consists of several areas of Fiqh and al-Quran wa al-Hifz. Therefore, this study aims to explore the understanding of teachers on pedagogical knowledge and the implementation of pedagogical knowledge among teachers who teach this subject. This study is a qualitative study in the form of case studies. The data collection was obtained by interviewing three Shariah subject teachers at several Government Aid Religious

Schools Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) in Selangor. In addition, data is also collected through, observation of teaching and analysis of teacher's written teaching record. To conduct interviews, the researcher provided a semi structured interview protocol set. The results of the study found that teachers understood pedagogical knowledge as well as know how to implement them.

Keywords: *Pedagogi, Kurikulum Bersepadu Dini, KBD, SABK*

Pengenalan

Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) merupakan sekolah Agama Rakyat (SAR) atau sekolah menengah Agama Negeri (SAN) yang telah berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pendaftaran ini merupakan satu usaha untuk menaikkan martabat dan memperkasakan sekolah-sekolah agama di Malaysia. Pendaftaran tersebut membolehkan sekolah-sekolah berkenaan menerima pelbagai kemudahan untuk meningkatkan pengurusan pentadbiran, kualiti pengajaran dan pemudah cara (pdpc), kualiti pengurusan sumber manusia dan prasarana kerana sekolah-sekolah tersebut berada dalam arus pendidikan perdana di bawah seliaan bersama KPM dan Lembaga Pengurus Sekolah (LPS).

Sebagai usaha memartabatkan SABK, satu kurikulum baharu telah diperkenalkan iaitu Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Sebelum KBD diperkenalkan, SAR dan SAN menggunakan kurikulum KBSM dan kurikulum *Buu'th Azhari* yang tidak disepadukan (Lubis, Alias, & Shahrudin, 2014). KBD diperkenalkan pada tahun 2015 hasil daripada cadangan Jawatankuasa Khas Tan Sri Murad pada Ogos 2004. Kurikulum Bersepadu Dini merupakan gabungan kurikulum *Buu'th Azhari* yang dilaksanakan oleh setiap negeri yang diselaraskan dengan kurikulum Kebangsaan dan dibangunkan berdasarkan *manhaj* ahli sunah wa al-jamaah dan mengambil kira pendapat muktabar Mazhab Shafi'e (KPM, 2015).

Kurikulum ini telah membawa beberapa perubahan yang mampu mempertingkatkan keupayaan murid seperti dalam aspirasi murid dalam Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Selain itu, kurikulum ini juga akan mengembangkan potensi murid dalam ilmu agama dan bahasa Arab kerana bahasa ini telah merupakan bahasa pengantar dalam pdpc (KPM, 2015). Perubahan dalam struktur kurikulum pula adalah peruntukan waktu minimum seminggu dan penambahan mata pelajaran Dini dalam kurikulum kebangsaan. Manakala senarai Mata Pelajaran Dini adalah Al-Syariah, Al-Lughah al-Arabiah al-Mu'asirah, Manahij al-Ulum al-Islamiah dan al-Adab wa al-balaghah.

Mata pelajaran Syariah yang ditawarkan di dalam kurikulum dini sebenarnya merangkumi 2 bidang iaitu al-Quran wa al-Hifz dan juga Fiqh. Bidang al-Quran wa al-Hifz pula meliputi bacaan al-Quran yang berkualiti dengan bertajwid yang betul serta hafazan yang meliputi surah dan makna kalimah terpilih dan keseluruhan surah al-Mulk, Yasin, al-Sejadah, al-Insan bersama keseluruhan maknanya. Manakala bidang Fiqh meliputi Fiqh Ibadat, Fiqh Munakahat, Fiqh Muamalat dan Fiqh Jinayat (KPM, 2015).

Pernyataan Masalah

Mata pelajaran Syariah KBD merangkumi beberapa bidang iaitu al-Quran wa al-Hifz, Fiqh al-Ibadat, Fiqh al-Munakahat, Fiqh al-Muamalat dan Fiqh al-Jinayat. Kalau diteliti bidang-bidang yang ditawarkan, sebenarnya terbahagi kepada dua iaitu al-Quran dan Fiqh. Disebabkan dua bidang yang berbeza, justeru untuk mengajarnya juga memerlukan kaedah yang berlainan kerana usaha untuk memastikan pelajaran difahami oleh pelajar, guru perlu menyampaikan

mempertimbangkan kemampuan dan pencapaian skala fikiran pelajar, mengenal pasti kesediaan dan kemampuan pelajar selaras dengan batasan kefahaman dan kehendak setiap pelajar, memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan tujuan dan hasil pembelajaran, tahap perkembangan, kematangan dan kecerdasan pelajar serta menggunakan bahan pengajaran, rujukan dan bahan bantu mengajar yang sesuai.

Kegagalan penyampaian pedagogi yang baik juga tidak mampu membuatkan pelajar menghayati mata pelajaran Pendidikan Syariah (45.2%) walaupun pelajar yang meminati mata pelajaran ini sangat tinggi iaitu sebanyak 98.9% (Roslan, Dasima, Abdul Soma, Wan Ismail, Mohd Borhanuddin, 2017) juga mendapati, namun peratus pelajar yang tidak menghayati mata pelajaran ini masih ramai iaitu 45.2%. Justeru guru perlu meningkatkan pedagogi pengajaran mata pelajaran Syariah.

Era pembelajaran Abad ke 21, antaranya menuntut guru menguasai kemahiran maklumat, media dan teknologi. Namun Guru SABK di dapati kurang menyahut cabaran ini. Malah tahap penggunaan bahan bantu mengajar mereka adalah rendah (Lubis et al., 2014). Dapatan ini juga selari dengan kajian oleh k Bahagian Pendidikan Islam (2017) yang mendapati guru SABK kurang menggunakan teknologi moden seperti internet dan tayangan video dalam pengajaran mereka.

Masalah yang dibincangkan di atas merupakan perkara yang berkaitan dengan pedagogi guru. Pelaksanaan pedagogi yang baik tidak mungkin berlaku sekiranya guru tidak menguasai pengetahuan pedagogi dengan baik. Oleh itu, kajian ini adalah untuk menjawab persoalan tersebut.

Sorotan Literatur

Menurut Shulman (1987), terdapat dua perkara asas yang menyumbang kepada pengetahuan ada guru ialah pengetahuan isi kandungan subjek dan pengetahuan pedagogi subjek. Pengetahuan kandungan merangkumi pengetahuan tentang konsep, teori, idea, pengetahuan tentang bukti serta amalan serta amalan dan pendekatan yang digunakan untuk mencambah pengetahuan. Manakala pengetahuan pedagogi meliputi tujuan pendidikan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran, iaitu pengetahuan tentang teknik atau kaedah yang digunakan dalam kelas, sifat pelajar yang disasarkan dan strategi untuk menilai pengetahuan pelajar. Pengetahuan pedagogi ini termasuk juga pengetahuan pedagogi umum yang merangkumi tujuan dan nilai dalam pendidikan yang memerlukan teori pembelajaran kognitif, sosial dan menggunakan teori pengajaran di dalam bilik darjah’.

Ilmuan Islam seperti Al-Ghazali (1988), al-Qaradawi (2000) pula menegaskan guru mesti mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan bersesuaian dengan mata pelajaran yang hendak diajar serta mempelajari kaedah terbaik untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar. Pengetahuan pedagogi menurut Bisset-Turner (2004) adalah merujuk kepada pengurusan bilik darjah, pelajar dan sekolah, menggunakan analogi agar memastikan kefahaman pelajar terhadap sesuatu konsep, hipotesis dan teori, mahir menghurai sesuatu idea dan konsep, pakar tentang kandungan dan tafsiran sukatan pelajaran, prinsip dan konsep, kesinambungan, perkembangan dan hubungan antara topik, mengolah isi pelajaran supaya lebih teachable, sentiasa membuat rumusan, menggalakkan pembelajaran inkuiri, fasilitator yang cekap dan memiliki kepintaran pedagogi dalam mengurus sesi pembelajaran.

Manakala Ibn Khaldūn menyarankan dua saranan utama yang harus diberi perhatian yang sewajarnya oleh sistem pendidikan; Pertama, dari segi ilmu pengetahuan atau kokurikulum

pendidikan yang sesuai harus diajarkan kepada murid. Kedua, adalah kaedah dan langkah yang harus digunakan oleh guru dalam pendidikan (Gamal 2003). Menurut model pembelajaran yang diperkenalkan oleh Ibn Khaldun terdapat enam langkah pengajaran yang bersesuaian dengan proses pengajaran iaitu *talqin* (pandang dengar), *tadrij* (pengajaran secara berperingkat), pengajaran berfokus, *taklid* (peniruan), *al-tikrar* (pengulangan), *tajribah* (percubaan) dan *rihlah* (pengembaraan).

Pengetahuan pedagogi diperlukan oleh guru untuk menjamin pengajaran yang berkesan. Guru seharusnya mempunyai pelbagai kemahiran yang merangkumi pengetahuan terhadap pendekatan pengajaran, teori dan konsep asas mengajar (Simah, 2017) di samping pengetahuan semula jadi pengajaran dan pembelajaran (Abbit, 2011). Selain itu, pengetahuan pedagogi juga sebenarnya merangkumi tentang cara pelajar belajar, perancangan dan pelaksanaan pengajaran, pengurusan bilik darjah, penilaian pelajar dan merangkumi kesemua konsep pendidikan, nilai-nilai, matlamat dan strategi pendidikan serta proses dan latihan pendidikan (Harris, J, Mishra, P., & Koecher, M. et al., 2009). Manakala, Kreber dan Cranton (2000) pula menyatakan pengetahuan pedagogi guru dinilai berdasarkan proses refleksi berdasarkan pengalaman mereka sebagai guru. Malah Zamri & Magdeline (2012) turut menegaskan tentang pengetahuan pedagogi amat penting untuk mendapatkan hasil pengajaran yang berkesan dalam bilik darjah. Tegasnya pengetahuan pedagogi ialah penguasaan yang sangat baik terhadap mata pelajaran yang diajar sehingga dapat menghubungkan antara tajuk dan kemahiran terhadap konsep.

Sehubungan dengan itu, guru yang mempunyai pengetahuan pedagogi yang baik dan menguasai isi kandungan pengajaran antara faktor yang menyumbang kepada kualiti pengajaran guru (Ab Halim, Muhamad Faiz, Kamarul 2011). Selain itu dalam kajian Mohd Syaubari (2018) terhadap guru Pendidikan Islam, mendapati guru yang aplikasi kepelbagaian dalam pedagogi mereka seperti penyelesaian masalah dalam pengajaran dan pembelajaran sebenarnya telah aplikasi KBAT dalam amalan pengajaran dan pembelajaran mereka.


Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk menjawab persoalan yang berikut:

- 1) Mengenal pasti kefahaman guru mata pelajaran Syariah di SABK terhadap pengetahuan pedagogi.
- 2) Mengenal pasti pelaksanaan pengetahuan pedagogi yang digunakan oleh guru mata pelajaran Syariah di SABK.

Kerangka Teoritik Kajian

Kerangka model dan teoretikal dalam kajian kualitatif bertujuan untuk membuat hipotesis kajian, bukan untuk menguji hipotesis tersebut (Paton 1990, Merriam 2001, Othman Lebar 2017). Kerangka teoritik bagi kajian ini adalah gabungan model terpilih seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Teoritikal Kajian

Sumber: (Ibnu Khaldun 1994, Shulman 1987, Grosman 1990)

Metodologi Kajian

Pendekatan dan Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi menjawab beberapa persoalan kajian. Mengikut Cresswell (2007), pendekatan kualitatif ini bersesuaian digunakan untuk sifat persoalan kajian yang memerlukan jawapan kepada bagaimana dan apa yang berlaku dan menafsirkan kepada sesuatu makna yang berbeza dari kefahaman biasa. Penerokaan pendekatan yang daripada pandangan peserta kajian dan bukan daripada pengkaji.

Perkara yang dikaji di dalam kajian ini ialah pengetahuan pedagogi guru dan pelaksanaannya. Pengetahuan pedagogi yang dimaksudkan termasuklah kaedah, pendekatan dan teknik pengajaran yang sering digunakan oleh guru semasa mengajar mata pelajaran Syariah sama ada meliputi bidang al-Quran Wa al-Hifz serta Fiqh.

Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan kaedah kajian kes. Peneroka memilih kaedah ini untuk mengkaji dan menjelaskan satu kelompok yang kecil secara mendalam. Menurut Yin (1994) kaedah kajian kes yang bersesuaian dengan objektif kajian dipilih kerana ia bertujuan untuk mengkaji phenomena yang terjadi dalam konteks sebenar.

Untuk mendapatkan data yang mendalam tentang pelaksanaan pedagogi dalam kalangan guru mata pelajaran Syariah di SABK, teknik pengumpulan data yang digunakan ialah temu bual dengan peserta kajian pemerhatian dan kajian dokumen. Analisis daripada data-data ini akan menghuraikan membolehkan secara mendalam tentang kaedah, pendekatan dan teknik pengajaran yang digunakan oleh guru berkenaan.

Peserta Kajian

Peserta kajian dalam kajian ini adalah dipilih secara persempelan bertujuan (purposive sampling). Persampelan bertujuan adalah berdasarkan jangkaan terhadap apa yang ingin diteroka, difahami dan dapatkan maklumat oleh pengkaji (Merriam 1998). Peserta kajian ini adalah berdasarkan tujuan dan persoalan kajian yang telah ditetapkan. Justeru pengkaji memilih 3 orang peserta kajian yang terdiri daripada guru yang mengajar mata pelajaran Syariah di beberapa SABK yang terpilih di Negeri Selangor.

Instrumen Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan protokol temu bual separa berstruktur yang berasaskan objektif kajian. Temu bual separa terbuka digunakan kerana akan membenarkan soalan susulan dikemukakan

kepada peserta kajian berdasarkan jawapan yang diberi, seterusnya informasi yang lebih jelas dan mendalam dapat diperoleh (Gay dan Airasian 2000). Selain itu pengkaji juga membuat pemerhatian terhadap sesi pdpcserta menganalisis dokumen yang berkaitan untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian.

Analisis Data

Data temu bual dianalisis secara kualitatif. Kaedah perbandingan secara berterusan (constant comparative method) digunakan untuk menganalisis data-data primer yang dikumpul (Strauss & Corbin 1998; Yin 2002) bagi menghasilkan tema-tema yang wujud daripada persoalan kajian. Seterusnya data temu bual tersebut akan dibuat triangulasi pemerhatian dan analisis dokumen untuk mendapat kesahan dalaman dan kebolehpercayaan.

Dapatan Kajian

Kefahaman Guru Mata Pelajaran Syariah Di SABK Terhadap Pengetahuan Pedagogi

Pada keseluruhannya, semua peserta kajian yang terlibat memahami bahawa pengetahuan pedagogi adalah pengetahuan yang berkaitan dengan cara mengajar mata pelajaran yang diajar seperti kata-kata peserta kajian 1:

“Ilmu tentang cara kita menyampaikan pengajaran hmmm tak pastilah...pengetahuan untuk menyampaikan isi kandungan” (PK1).

Selain itu peserta kajian juga menyatakan pengetahuan pedagogi juga berkaitan dengan kawalan kelas, pengetahuan teknik mengajar dan penyediaan bahan bantu mengajar, seperti nukilan peserta kajian yang berikut.

“Pada saya, kalau pedagogi ni benda yang asas seorang guru kena kuasai ilmu macam mana nak handle kelas yang diajar... murid saya ni macam mana teknik saya nak buat dia kadang-kadang tengah-tengah belajar tu saya kena tukar teknik yang lebih sesuai “. (PK 2)

“Cara-cara mengajar? mesti ada persediaan ada alat bantu mengajar supaya budak dia sentiasa happy sentiasa ceria masuk kelas saya terutamanya lah, semua subjek lah” (PK 3).

Walaupun dapatan temu bual menunjukkan kefahaman yang kurang menyeluruh terhadap pengetahuan pedagogi, namun hasil penelitian terhadap catatan rekod mengajar dan juga pemerhatian terhadap pengajaran, peserta kajian sebenarnya menunjukkan mereka sebenarnya mengetahui elemen lain yang menunjukkan kefahaman mereka terhadap pengertian pedagogi.

Perlaksanaan Pedagogi Yang Digunakan Oleh Guru Mata Pelajaran Syariah di SABK

Bagi menjawab persoalan yang ke dua. Hasil daripada pemerhatian mendapati guru menggunakan pelbagai jenis strategi dan kaedah pengajaran. Strategi dan pendekatan yang digunakan adalah berlainan mengikut tajuk dan bidang pelajaran yang terdapat di dalam mata pelajaran Syariah.

Bagi bidang al-Quran Wa al-Hifz, kaedah yang digunakan bagi pelajar untuk mengingat makna kalimah yang terpilih adalah menggunakan beberapa kaedah seperti tkrar serta lagu yang bersesuaian dan juga kaedah bertulis. Bagi kaedah tkrar, terdapat dua teknik yang digunakan iaitu tkrar secara sendirian dan juga secara berkumpulan. Peserta kajian 3 akan sentiasa meminta pelajarnya mengulang-ulang hafazan tanpa hadkan di dalam kelas.

“ada masa tambahan yang berterusan adalah berkenaan dengan al-Quran Wa al-hifz. Jadi al-quran Wal hifz ni bukan semata-mata dalam kelas. Jadi budak kena sentiasa menghafal surah, sentiasa melihat makna-makna yang terpilih dan juga yang ketiga sentiasa alert dengan hukum-hukum tajwid. Jadi al-quran Wal Hifz ni bukan semata-mata dalam kelas ada benda yang berterusan. Kadang kita jumpa kat kantin ke kat mana benda tu kita tanya.” (PK 3).

Peserta kajian 2 pula menggunakan kaedah tkrar tetapi teknik berkumpulan serta kaedah menulis

“Lepas tu saya minta pelajar ulang bila pelajar ulang tu al-Quran saya nak dia hafal dengan kawan Sebab kalau dia tak hafal sorang-sorang nanti dia lupa bila eh nanti dia salah ada tertinggal ke apa ke baris ke tersalah Lepas tu kalau ma’ani al-kalimah tu saya hafal tubi-tubi Contoh errrr apa katanya... tubi berkali-kali lah. Contoh Al-Abrar yang berbakti, adalah dia punya lenggok tu. Saya pun buatlah lenggok dia lepas hafal, saya soal on the spot. kalau ada masa lagi saya akan suruh tulis akhir sekali saya suruh tulis itu kalau al-Quran.” (PK 2)

“saya akan suruh pelajar keluarkan semua makna kalimah kemudian tulis balik. jadi untuk makna kalimat satu buku je. Kalau kertas A4 satu kertas depan belakang sudah mencukupi” (PK 3)

Selain itu, kaedah lain yang digunakan oleh peserta kajian ialah secara nyanyian.

“hmmm ada pelbagai antaranya gunakan nyanyian. nyanyian tu bukan sekadar nyanyian tapi kita masuk dengan macam Ani buat bila nyanyian untuk mantapkan dengan permainan. bukan sekadar nyanyi dia kena nyanyi tu dia kena buat gaya dan buat permainan. Ani buat cam tu untuk dia orang ingat” (PK 1)

Pengajaran dalam bidang Fiqh pula menggunakan peserta kajian menggunakan strategi berpusatkan guru apabila menerangkan sesuatu tajuk. Mereka juga dengan mengaitkan pelajaran dengan isu-isu semasa.

“zaman sekarang lah. dah sebab macam-macam zaman viral sekarang kan. Jadi apa yang kita belajar untuk Fiqh tu ...dia ada kaitan dengan isu-isu semasa” (PK 3).

Penerangan guru tentang sesuatu tajuk yang sukar difahami dan jarang berlaku dalam situasi semasa dibuat dengan bantuan teknologi maklumat yang diambil daripada You Tube:

“. saya bagi video saya ambil dari YouTube ada video tu saya tunjuk kan. Kalau tidak dia tak faham. Kebetulan Solat khauf tu ada video Telaga Biru buat. Lepas tu saya terangkan dah kemudiannya” (PK 2)

Namun, walaupun berpusatkan guru, peserta kajian tetap menjalankan pembelajaran aktif yang melibatkan murid. Peserta kajian akan melibatkan murid sebagai model untuk teknik simulasi, contohnya semasa belajar solat Khauf.

“saya suruh dia berlakon sekali macam yang ada dalam video tu buat amali. Pelajar perempuan tengok belakang lelaki itu saya kata ini barisan saf pertama ini barisan saf kedua nanti dia fahamlah Tapi memang kecoh sikit lah” (PK 2).

Peserta kajian juga menggunakan pembelajaran berpusatkan murid dengan menggunakan kaedah pembelajaran abad ke 21 yang memberi penekanan terhadap teknik pembelajaran aktif. Perkara ini dapat diperhatikan menerusi pemerhatian terhadap sesi pengajaran peserta kajian 1 tajuk solat bagi pelajar Tingkatan 1 Nafis. Beliau telah menggunakan teknik kumpulan koperatif dan teknik ‘Think-Pair-Share’ dalam pengajarannya.

Selain itu, melalui pembelajaran berpusatkan murid, peserta kajian juga menggunakan teknik pembelajaran aktif dengan meminta pelajar membuat peta minda atau peta i-THINK setiap kali selepas mengajar. Penghasilan peta minda dan peta i-THINK oleh pelajar ini juga merupakan salah satu cara guru tersebut membuat penilaian terhadap kefahaman pelajarannya. Penggunaan peta minda ini dibuat oleh kesemua peserta kajian.

“Nak bagi budak belajar Ani suka, bagi peta minda macam ni sebab Ani ni dulu Abah paksa juga buat peta minda kalau belajar. So kita buat macam ni. Lepas tu Ani ni jenis tak suka sebab budak macam bagi nota. Macam member tu suka bagi nota ada penuhkan ni dia bagi kat budak, tapi Ani tak. Ani suka suruh dia orang macam tu. Ani takkan bagi free free nak bagi isi. Dia orang Isi, dia orang akan tahu” (PK 1).

“...suruh buat peta i THINK bulat-bulat dia buatlah bentuk cekodok ke bentuk leper dah dah tak ikut dah peta tu. jadi saya kata dan Allah bagi idea tu yang saya buat buku tu. saya pun dalam kelas tu kata” okeyyyy buat yang ni jadi dia orang pun senang Tinggal isi je dan dia orang nampak isiii je. dan dia orang nampak isi tu ada dalam tu contoh syarat sah wuduk.... sebenarnya buku saya tu adalah nota pelajar. sebenarnya buku tu nota. Dia tak payah salin buku sebab dia dah dimudahkan dalam bentuk Peta”. (PK 2)

“...lebih kepada buku nota. Jadi kalau buku nota ni pelajarannya dia macam acuh tak acuh ertinya pemahaman dia pun mesti kurang. nota tu sebenarnya macam peta minda lah Saya memang minta setiap pelajar membuat nota dalam bentuk peta minda”. (PK 3)

Melalui pemerhatian pengajaran pula, pengkaji mendapati peserta kajian mampu mengawal murid agar fokus dan berlumba-lumba untuk menyertai aktiviti di dalam kelas. Peserta kajian 2 menggunakan kaedah ganjaran bintang kepada setiap pelajar. Justeru semua murid akan berusaha untuk turut serta dalam aktiviti yang dibuat untuk mendapatkan ganjaran tersebut. Selain itu, menepati pembelajaran abad ke 21, peserta kajian meminta pelajarannya membuat rakaman aktiviti yang disuruh dan *share* di dalam medium yang bersesuaian.

Perbincangan

Pedagogi menurut (Magdeline & Zamri, 2014) adalah ‘sains dan seni’ dalam pengajaran. Oleh itu, guru adalah bebas menggunakan strategi, kaedah pengajaran, pengurusan bilik darjah, gaya pembelajaran, kawalan bilik darjah yang dirasakan sesuai bagi mereka. Hasil daripada temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen, menunjukkan peserta kajian memahami pengetahuan pedagogi dan melaksanakannya dengan baik. Hal ini bertepatan dengan kajian (Azizi, Rosnani, Sharifuddin & Amir 2010) iaitu kemampuan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan bersesuaian dengan keadaan pelajar menjadi penentu kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran.

Bidang al-Quran wa al-Hifz memerlukan pelajar menghafal. Kaedah tkrar merupakan kaedah paling sesuai dan digunakan oleh kesemua peserta kajian kerana jumlah tkrar merupakan penentu kepada kekuatan hafazan pelajar dan mengukuhkan hafazan. Hafazan yang disertai dengan maksud ayat dan makna kalimat pelajar akan dapat menumpukan perhatian terhadap ayat yang dihafaz semasa amalan tkrar dan seterusnya akan menambahkan kekhushyukan dalam membaca ayat al-Quran. (Azmil, Ab. Halim & Misnan 2013, Abu al-Fida’ 2006, Al-Syarbini 2004, Ahwani 1955)

Penggunaan kaedah hafazan melalui nyanyian dan *harakah yadawiah* sebenarnya termasuk dalam kategori didik hiburan seperti yang disarankan penggunaannya KPM. Didik hiburan mampu

menjadikan pdpc lebih menyeronokkan kerana terkandung unsur kelakar, kecindan, ada unsur estetik, permainan muzik, lakonan dan lain-lain serta menjadikan murid sentiasa berada dalam keadaan pembelajaran yang positif KPM (2010). Malah kedah nyanyian juga merupakan pendekatan berirama memberi sumbangan besar iaitu sebanyak 65.4% terhadap hafazan surah dan doa dalam kalangan pelajar prasekolah.(Tukiman, Bakar, & Hussin, 2014).

Kaedah berpusatkan guru masih digunakan oleh peserta kajian dalam menerangkan tajuk-tajuk fiqh, namun disertai dengan penggunaan teknologi multimedia seperti *slaid power point* atau pautan *YouTube* sebagai alat bantu mengajar. Penggunaan teknologi multimedia ini menolak dakwaan Taat (2011) bahawa guru aliran agama kurang kreatif semasa mengajar. Serta dapatan Maimun, Wan Nurul Shuhada & Mohd Isa (2017) yang mendapati tahap kesediaan guru dalam bidang agama mempunyai tahap kesediaan dalam penggunaan multimedia adalah sederhana walaupun tahap pengetahuan penggunaan multimedia adalah tinggi.

Rumusan

Secara keseluruhannya, rumusan kajian ini adalah guru yang mengajar mata pelajaran Syariah KBD di SABK harus menguasai pengetahuan pedagogi kerana tanpa pengetahuan pedagogi yang baik tak mungkin guru dapat menyampaikan ilmu dengan berkesan. Pengetahuan yang banyak tentang isi kandungan tajuk yang nak diajar sahaja tidak mencukupi kerana murid ibarat kertas kosong. mereka hanya mampu mengisi ruangan kosong di dalam kertas tersebut sekiranya mereka memahami dengan baik pengajaran guru. Guru yang tidak memahami pedagogi tidak mampu untuk menyusun idea menterjemahkan pengetahuannya dengan tersusun dan mudah. Oleh itu, pengetahuan terhadap semua aspek pedagogi yang meliputi strategi dan teknik pengajaran yang bersesuaian, pemilihan dan penyediaan bahan bantu mengajar yang tepat dengan tajuk yang nak diajar, kawalan kelas yang baik serta penilaian terhadap pengajaran perlu dikuasai dengan sebaiknya agar hasrat kerajaan untuk melahirkan aspirasi murid yang berpengetahuan, mempunyai kemahiran berfikir, kemahiran kepimpinan, kemahiran dwibahasa, beretika dan kerohanian serta mempunyai identiti nasional tercapai.

Rujukan

- Abbit, M., Dicks, D., Ives, C. & Montgomery, B. (2004). Planning for Integrating Teaching Technologies. *Canadian Journal of Learning ang Technology*, 30(2), Spring.
- Abu Al-Fida', Muhammad Izzat.(2006). *Kaifa nahfazul Quran*. Kaherah: Darul Salam.
- Ab Halim, T., Muhamad Faiz,. I, Kamarul Azmi,. J. (2012). Komponen Asas untuk Latihan Guru Pendidikan Islam [Basic Components for Islamic Education Teacher Training, *Global Journal Al-Thaqafah*
- Ahwani, Ahmad Fuad. (1995). *At-tarbiyyah fil Islam aw tacalim fira'yil Qabisi*. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub al-Arabiyyah
- Al-Syarbini, Ibrahim Abdul Muni'm. (2004). *As-Sabil ila al-Jinan bi Bayan Kaifa Yuhfazul Quran*. Zaqaziq: Dar IbnuKathir
- Azmil., H., Ab. Halim., T & Misnan, J. (2013). Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. Vol. 1 Issue 1 28-39
- Azizi, Y, Rosnani., M. N, Sharifuddin,. I & Amir Hamzah., A. (2010). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru mata pelajaran teknikal. Eprintsutm. 1-12. www.eprints.utm.my. [10 Ogos 2017].
- Creswell, J.W. 2007. *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Gamal Abdul, Nasir Zakaria. (2003). Prinsip-prinsip Pendidikan Islam. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn.Bhd.

- Gay, L.R. & Airasian, P. (2000). *Educational research competencies for analysis and application*. New Jersey: Prentice Hall.
- Ghulam Nabi Saeed. (1999). The psychology of love in Muslim Education. *Muslim Education Quarterly* 16 (3): 38-55.
- Grossman, P.L. (1990). *The making of teacher: Teacher knowledge and teacher education*. New York: Teachers College Press.
- Harris, J., Mishra, P., & Koehler, M. (2009). Teachers' technological pedagogical content knowledge and learning activity types: Curriculum-based technology integration reframed. *Journal of Research on Technology in Education*, 41(4), 393-416.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2010). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010)*. Edisi Pelancaran PIPP 2006. Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015) *Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini*. Putrajaya: BPI.
- Kreber, C., & Cranton, P.A. (2000). Exploring the scholarship of teaching. *The Journal of Higher Education*, 71(4), 4-16.
- Maimun, A.L., Wn Nurul Shuhada, W.H. & Mohd. Isa, H. (2017) Tahap Pengetahuan Dan Kesiapan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Pendidikan Islam ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J) 1 Volume 1(1) January 2017, 1-13,
- Maimun, A.L, Zaffi, A., & Hanis Najwa., S. (2014). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu' uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 51–61.
- Magdeline., a.N, & Zamri, M. (2014). Penerjemahan Pengetahuan Pedagogi Kandungan dalam Proses Tindakan Guru Bahasa Iban Baharu dan Berpengalaman Bukan Opsyen. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 37–49.
- Majeedkuty, N., Qi, Y. T., Suppiah, V., & Lun, Y. (2015). Learning style preferences among physiotherapy students enrolled in a Malaysian University: A cross sectional study. *International Journal of Humanities and Social Science Research*, 1(2), 16–22.
- Meriam, S.B. (1998). *Qualitative research and case study: Applications in education, revised and expanded from case study research in education*. Jossey-bass Publishers. San Francisco.
- Merriam, S.B. (2001) *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. Jossey-Bass Publishers, San Francisco
- Mirsha, P., & Koehler, M (2005). What happens when teacher design educational technology? The development of technological pedagogical content knowledge. *Journal of Educational Computing Research*, 32(2), 131-152.
- Mohd Syaubari Othman (2018). Pengaplikasian Konsep Penyelesaian Masalah Berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Di Negeri Kedah, *Journal Of Technical And Vocational Education*, Volume 1. Page 11-25 11
- Mustafa, N. M., & Basri, M. (2014). *Perbandingan Kaedah Hafazan Al-Quran Tradisional Dan Modern: Satu Kajian Awal*. Diperoleh daripada https://www.researchgate.net/profile/Mokmin_Basri/publication/278383374
- Nor Musliza Mustafa, Mokmin Basri, Sedek Ariffin. (2016). Gaya Pembelajaran Pelajar Dalam Proses Hafazan Dan Kefahaman Makna Al-Quran: Satu Tinjauan: Seminar Antara Universiti Pengajian Lepas Ijazah.
- Othman Lebar, (2017), *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode* (6 th ed. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage
- Shulman, L.S. (1987). Knowledge and teaching: foundation of new reform. *Harvard Educational Review* 57 (1): 1-22.
- Simah., M. (2017). *Hubungan Pengetahuan Pedagogi, Kandungan, Komsas, Teknologi, Kemahiran Dan Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Terhadap Pencapaian Komsas Guru Bahasa Melayu di Kelantan*, Tesis Phd tidak diterbitkan. Universiti Putera Malaysia. Serdang, Selangor, Malaysia.
- Straus, A., & Cobin, J. (1990). *Basic of Qualitative research: Grounded theory procedures and techniques*. Newbury Park, CA: Sage.
- Taat, M.S. (2011). Faktor gaya pertautan dan motivasi pelajar, serta proses pengajaran dan bimbingan guru pendidikan Islam terhadap pembelajaran terarah sendiri (PTK) pelajar. Tesis Phd. Universiti Malaysia Sabah.
- Tukiman, N. B., Bakar, A., & Hussin, Z. (2014). *Peningkatan Kemahiran Menghafaz Surah Dan Doa Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Pendekatan*. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(1), 114–129
- Yin, R. (2002). *Case study research: Design and methods* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage. Publications.
- Zamri., M., & Magdeline., a. N. (2012). Penguasaan pengetahuan pedagogi kandungan guru bahasa iban. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(2).